

BERITA

Kumpulan pertama pelajar kejuruteraan NTU lancar dana endowmen

Penghargaan untuk mendiang Profesor Emeritus Chen Charng Ning, dekan pengasas Sekolah Kejuruteraan Sivil dan Struktur universiti itu



DANA BANTU PELAJAR MEMERLUKAN: Pengarah Urusan Santarli Construction Pte Ltd, Encik Lee Boon Teow (*kiri*) menyampaikan cek \$1 juta kepada Encik Heng (*tengah*) dan Profesor Ling San bagi Dana Endowmen Profesor Chen Charng Ning. Turut menyaksikan ialah beberapa tamu termasuk balu Profesor Chen (*kanan*). – Foto MCI

KUMPULAN pertama pelajar kejuruteraan Universiti Teknologi Nanyang (NTU) dari tahun 1985, melancarkan satu dana endowmen semalam sebagai memperingati mendiang Profesor Emeritus Chen Charng Ning.

Profesor Chen yang juga dekan pengasas Sekolah Kejuruteraan Sivil dan Struktur NTU ketika itu, meninggal dunia di usia 80 tahun pada 30 November tahun lalu.

Mendirikan juga merupakan Timbalan Presiden universiti tersebut, pengerusi pengasas Pengguna Bangunan dan Binaan (BCA) serta pengerusi lembaga Santarli Holdings.

Menurut mantan Anggota Parlimen (AP) Lee Bee Wah, sayap binaan Santarli Holdings menawarkan dana permulaan \$1 juta tanpa teragak-agak.

Beliau mempergerusikan bersama jatakuasa dana endowmen itu bersama seorang lagi mantan AP, Encik Inderjit Singh.

Kedua-dua mereka daripada kohort pelajar kejuruteraan tahun 1985 universiti itu.

Dana tersebut bertujuan memberi biasiswa bernilai hingga \$15,000 dan dermasiswa hingga \$10,000 setahun kepada pelajar kejuruteraan daripada keluarga kurang berhasrat baik.

Kini, ia sudah mencapai separuh daripada matlamatnya iaitu untuk mengumpul dana sekurang-kurangnya \$2 juta.

Bercakap di majlis pelancaran dana itu, tetamu terhormat, Timbalan Perdana Menteri Heng Swee Keat, berkata pemerintah akan menyumbang \$1.50 kepada dana endowmen umum NTU bagi setiap dolar yang dikumpul.

"Selain itu, pemerintah juga akan menawarkan pengurangan cukai sebanyak 250 peratus kepada penderma."

"Secara keseluruhan, pemerintah akan

menyumbang \$2 atau lebih bagi setiap dolar yang diderma," kata Encik Heng yang juga Menteri Kewangan.

Tambahnya, dana endowmen itu lebih lagi bermakna di tengah-tengah pandemik Covid-19 sekarang.

"Ramai pelajar dan keluarga mereka sedang melalui masa yang sukar dan sikap murah hati anda boleh membantu memastikan kita dapat mengekalkan mobiliti sosial," ujarnya.

Semasa berucap di majlis pelancaran dana itu, Cik Lee berkata Profesor Chen merupakan seorang tokoh bapa yang penyayang dan baik hati serta guru yang cemerlang.

"Ramai pelajarnya cemerlang dalam industri (binaan) dan kami terhutang budi kepada beliau yang telah berkongsi ilmunya dengan kami."

"Apa yang diajar Profesor Chen serta kenangan yang ditinggalkannya mempu-

nyai kesan mendalam pada kehidupan kami," ujar Cik Lee.

Maka, adalah wajar mereka melakukan sesuatu untuk memperingati beliau, tambahnya.

Provost NTU Ling San pula menyifatkan Profesor Chen sebagai perintis yang telah menetapkan asas bagi kekuatan universiti itu serta suri teladan yang menjadi sumber inspirasi bagi semangat menyumbang yang NTU ingin pupuk di kalangan pelajar dan lulusannya.

Encik Heng, yang juga Menteri Penyebarluasan bagi Dasar Ekonomi, berkata Profesor Chen turut meninggalkan kesan mendalam di persada antarabangsa.

"Beliau dilantik Bank Dunia beberapa kali bagi projek termasuk di China, Vietnam dan Laos."

"Sumbangannya membantu meningkatkan kehidupan ramai orang di rantau itu," ujarnya.